

Kerajaan beri subsidi jika berlaku kenaikan susulan serangan pemberontak Yemen

Harga minyak dunia mungkin naik

PUTRAJAYA – Tindakan Arab Saudi menggantung sementara pengeluaran di dua loji minyak Aramco susulan serangan oleh pemberontak Yemen, sudah pasti akan memberi kesan kepada harga minyak di seluruh dunia, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.



DR. MAHATHIR

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, di Malaysia, kerajaan mengamalkan pemberian subsidi bagi mengimbangi kenaikan harga tersebut.

“Kalau dia (Arab Saudi) terpaksa henti pengeluaran minyak ditapis sebanyak sejuta tong, sudah tentu beri kesan kepada harga minyak seluruh dunia.

“Namun, di Malaysia apabila harga minyak

naik, kita beri subsidi. Di United Kingdom, kalau minyak naik, dia (kerajaan) naikkan cukai. Bagi dia, orang dia tak merungut,” katanya selepas menyaksikan The Putrajaya Boat Race 2019 di sini semalam.

Beliau berkata demikian semasa ditanya sama ada kerajaan akan mengkaji semula harga runcit petrol RON95 yang kini ditetapkan pada paras RM2.08 jika berlaku kenaikan harga minyak dunia berikutan kejadian serangan itu.

Putera Abdulaziz Salman dalam kenyataan yang disiarkan agensi berita SPA kelmarin berkata, Arab Saudi menggantung pengeluaran di dua loji minyak Aramco yang diserang



KERAJAAN akan memberi subsidi jika berlaku kenaikan harga minyak. – Gambar hiasan

pemberontak Yemen.

Menteri Tenaga Arab Saudi itu berkata, serangan tersebut menyebabkan penggantungan sementara pengeluaran di loji Abqaiq dan Khurais yang membawa kepada gangguan kira-kira 50

peratus pengeluaran keseluruhan.

Aramco dalam kenyataan berasingan menjelaskan, serangan itu mengakibatkan penggantungan pengeluaran 5.7 juta tong minyak mentah sehari. – Bernama

HARI :
TARIKH :
M/SURAT :

ISNIN
16/9/2019
6